

Teks Ucapan
Dato' Hj. Jumaat Dato' Hj. Mohd Noor
Pengerusi Jawatankuasa Eksekutif
Persatuan Sejarah Malaysia

MTM PSM Ke-67

As'salamualaikumwarahmatullahiwbaramakatu

Bersyukur kita kehadiran Allah Subhanuwataala kerana dapat bertemu bagi melangsungkan Mesyuarat Tahunan Majlis PSM Ke-67. Dengan keberkatan kesihatan yang mengizinkan kita dapat meneruskan tugas dengan penuh silaturahim. Maka itu, saya gembira sekali mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan dan puan-puan, saudara-saudari sekalian ke Mesyuarat Tahunan Majlis PSM ini. Namun beberapa rakan-rakan kita tidak lagi bersama kita berundur kerana keuzuran kesihatan. Dukacita pula rakan kita Dr Zahidi Bin Dato' Zainol Rashid kembali ke rahmatullah baru-baru ini pada bulan September yang lalu. Marilah kita sedekahkan untuk Allahyarham. Al-Fatihah.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, kita melangsungkan mesyuarat tahunan majlis ini dengan masih mengambil ingatan dan perhatian bahawa angkara jangkitan Covid-19 masih berada di sekitaran kita bahkan juga di sekitaran dunia di sana sini. Agaknya baik sekali kita mengetahui dan memahami bahawa sebagai satu rekod sejarah sehingga kita mengadakan sidang ini hampir 4.19 juta warga Malaysia telah dijangkiti. Ini rekod yang rasmi. Yang tidak rasmi wallahualam. Saya sendiri adalah seorang daripadanya yang telah dijangkiti walaupun telah bervaksin. Dengan jangkitan itu saya menjadi seorang pemandiri selama 1 minggu tersisih dan terpenjara sekali rasanya. Dengan Covid-19 ini dunia telah menghadapi destruction walaupun tidak destruction. Oleh sebab itu kini dikatakan fenomena long covid berada di sisi kita terutamanya kepada termalang dijangkiti walaupun sudah berkesembuhan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, dalam suasana kini yang dikatakan sedang melalui pemulihan dikatakan angkara jangkitan disebut sebagai endemic, kita kerap diingatkan dan diajukan supaya membentuk dan menjanakan sikap dan dorongan reset and relaunch (R and R) susun semula dan rancang semula. R and R ini tentunya perlu dilakukan lebih-lebih sekali pada suatu badan petugas, persatuan atau pertubuhan dan organisasi sukarela atau badan amal dan sebagainya. Malahan pihak kerajaan atau pemerintah atau badan-badan koporat sekali mahu dilihat oleh orang ramai untuk menjalankan reset and relaunch kerana masalah negara dan rakyat perit sekali kelihatan dalam babak demi babak kemasyarakatan.

PSM sendiri dibataskan oleh pandemik Covid-19 sudah melalui suasana dan kegiatan yang terhad. Tetapi secara minimal dapat membuat 1 atau 2 program menunaikan tanggungjawab atas nama "jangan sekali tinggalkan sejarah". Saya percaya tuan-tuan dan saudara-saudara yang menangani pimpinan PSM Cawangan atau Kawasan terbatas juga untuk cergas menjalankan kegiatan. Jadinya saudara-saudari sekalian sebagaimana juga PSM Pusat ini mahu melakarkan reset dan relaunch (R and R) yang bersesuaian maka seruan dan saranan saya ialah disekitar lokasi atau ekosistem PSM tuan-tuan sendiri usahakanlah R and R yang memulihkan semangat cintakan sejarah dan mengaktifkan organisasi. Insyaallah semuanya boleh dilakukan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian sukacita saya laporkan beberapa kegiatan yang telah PSM sempurnakan sebaik-baiknya sepanjang tahun 2021/2022. Satu, pertandingan menulis esei sejarah. Ini telah berjaya dilangsungkan istimewa sekali dianjurkan bersama Jabatan Arkib Negara Malaysia. Pertandingan Menulis tersebut mengenai tajuk Perdana Menteri Malaysia. Tajuk dipilih kerana khas sempena menyambut perayaan Ulang Tahun Kemerdekaan kali ke-65. Sungguh menarik sekali. Silalah lihat dalam laporan yang dikemukakan. Kedua program Sayembara Menulis Novel Sejarah untuk remaja. Kerjasama PSM dengan Dewan Bahasa dan Pustaka diteruskan untuk kali ketiga. Prof. Emeritus Datuk Dr Zakaria Ghazali dan saudara Dr. Mohd Samsudin bersama dua orang tokoh sasterawan telah melangsungkan perbincangan online kepada bakal penulis tentang saranan topik dan skop sejarah yang boleh digarap untuk penulisan novel-novel yang berkenaan. Kita akan tentu menantikan hasil-hasil ciptaan novel yang memberangsangkan yang membanggakan riwayat-riwayat atau renungan takrifan sejarah kebangsaan samada dalam lukisan kehebatan peristiwa tertentu atau kegemilangan perwatakan di tanah air kita. Terima kasih Dewan Bahasa dan Pustaka dengan segala pengalaman, penerbitan, penilaian kesasteraan dan kebahasaan akan berprestasi teguh menjayakan projek ketiga ini.

Pertandingan Kuiz Sejarah dan Patriotisme. Program kuiz ini yang dilangsungkan secara peringkat kebangsaan susulan daripada siri-siri pertandingan di peringkat negeri adalah suatu yang unggul di kalangan para pelajar. Suatu yang telah bertapak Bersama Kementerian Pendidikan dan sambutan dari pihak sekolah terbilang sekali dengan semangat kompetitif yang megah mahu bertarung. Saya percaya melalui tahun 2023 dengan sistem persekolahan aktif seperti sedia kala pertandingan ini akan muncul menemui para pelajar.

PSM akan berusaha mempersiapkan dana untuk pembiayaan acara tersebut. Saya juga suka menyentuh mengenai buku-buku terbitan PSM. Ade satu kegiatan PSM yang ingin saya serlahkan untuk perhatian dan kesedaran sekalian ahli-ahli PSM, ahli-ahli majlis dan perwakilan. Ini mengenai program PSM mengusahakan terbitan buku-buku sejarah yang dari segi PSM bernilai tertentu untuk dibantu dan dipopularkan. Dengan menerbitkan buku-buku sedemikian, PSM mahu berperanan sebagai penerbit yang berwibawa dan sebagai penggerak yang wajar memperkayakan khazanah buku sejarah. Juga selama ini dan setakat ini para penulis yang mempercayai dan meyakini peranan PSM sesungguhnya telah membantu mengaktifkan peranan PSM. PSM amat gembira dengan perkembangan kegiatan penerbitan ini dan berharap para perwakilan hari ini dan juga serta rakan-rakan bakal penulis yang berada di negeri masing-masing dapat maju ke pihak PSM untuk meluaskan dunia penerbitan buku sejarah ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, di Mesyuarat Majlis Ke-67 ini bersamalah kita bersikap dan berperanan jelas terbuka dengan segala kesediaan dan keusahaan menggerakkan PSM atas dasar azam dan matlamat yang kita perakukan. PSM Pusat akan berusaha melihat, menyedari dan mendekati perkara-perkara dan isu sejarah dan persejarahan dalam perspektif yang lebih luas dan kaitannya di peringkat kenegerian. Tuan-tuan dan puan-puan pula di peringkat PSM Cawangan tentunya mampu dan berwibawa di daerah wilayah dan lokasi masing-masing bergerak dalam serba aspek dan signifikan sejarah yang mahu dilestarikan. Inilah dwi peranan gandingan kita, saya serukan bakal berlangsung di sekitar tahun 2023.

Assalamualaikum dan selamat bersidang